



## SIARAN AKHBAR

### MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH BAGI PERTANDINGAN VIDEO KESEDARAN PENIPUAN KEWANGAN 5 RABIULAWAL 1437H BERSAMAAN DENGAN 17 DISEMBER 2015M

---

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) baru-baru ini telah mengadakan majlis penyampaian hadiah bagi Pertandingan Video Kesedaran Penipuan Kewangan di Dewan Teater, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan. Pertandingan video ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai penipuan kewangan.
2. Hadiah bagi pemenang-pemenang pertandingan yang dibahagikan kepada dua kategori, iaitu Kategori Pelajar dan Kategori Terbuka, tersebut telah disampaikan oleh Yang Mulia Awang Yusof bin Haji Abd Rahman, Pengarah Urusan AMBD.
3. Bagi Kategori Pelajar, pemenang-pemenangnya adalah seperti berikut:
  - Hadiah Pertama: Ak Sulaiman bin Pg Hj Aman, Universiti Brunei Darussalam (UBD)  
Tajuk Video: *"Desperate"*
  - Hadiah Kedua: Chung Ming Ru dan Nurul Hafizah binti Zakaria, Universiti Brunei Darussalam (UBD)  
Tajuk Video: *"Loving Can Hurt"*
  - Hadiah Ketiga: Mohd Izzat Afifi bin Hassan, Ak Md Akmal Muazzam bin Pg Mohammad Adam Nor-Islam, Amin Yusuf bin Abd Salam dan Muhd Hafiy bin Awang Masri Politeknik Brunei  
Tajuk Video: *"Tabung Dana"*
4. Bagi Kategori Terbuka, pemenang-pemenangnya adalah seperti berikut:
  - Hadiah Pertama: Muhammad Abdul Mu'iz bin Darul  
Tajuk Video: *"Tuah Malang"*
  - Hadiah Kedua: Mohammad Hanifi bin Haji Juffri  
Tajuk Video: *"The Pyramid"*
  - Hadiah Ketiga: Amirul Jazli bin Jali  
Tajuk Video: *"The Stranger"*
5. Yang Mulia Awang Yusof juga telah menyampaikan hadiah sagu hati kepada Abdul Hanan bin Haji Erwan, Nurul Fatin Haziqah binti Abdul Rahman, Siti Zuraidah @ 'Azyiah As-Zahra binti Mat Jais dan Dayang Najihah binti Awang Haji Ali dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) bagi video mereka bertajuk *"Power Power Lucky Draw"*, dan Muhammad Meerza Helmi bin Uzapuspa, Muhammad Afiq Khairuddin bin Kamaluddin, Audrey Lim Hong Eng dan Ahmad Fikri bin Zulbahri

dari Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (MSPSBS) bagi video mereka bertajuk “*What are Financial Scams to You*”.

6. Turut hadir ke majlis tersebut ialah pegawai-pegawai dan kakitangan dari AMBD, hakim-hakim undangan, iaitu Shaikh Haji Hanafiyah bin Shaikh Haji Ahmad dari Radio Televisyen Brunei dan Siti Kamaluddin dari *Origins Film Sdn Bhd*, serta pemenang-pemenang pertandingan.
7. Video-video yang mendapat tempat pertama, iaitu “Desperate” dan “Tuah Malang”, dapat ditonton di AMBD App yang boleh dimuat turun secara percuma melalui ‘App Store’ bagi pengguna iPhone dan ‘Google Playstore’ bagi pengguna Android.

#### **Autoriti Monetari Brunei Darussalam**

Tarikh : 5 Rabiulawal 1437H / 17 Disember 2015M

Ruj : AMBD/COMMS/3